

Surat berbelanja projek RMK-9 dikeluarkan

Oleh **Jalal Ali Abdul Rahim**
dan **Suffian A Bakar**

KUALA LUMPUR: Kementerian Kewangan sudah mengeluarkan surat kebenaran berbelanja kepada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan bagi melaksanakan projek yang dirancang dalam Bajet 2007 dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata, perkara itu sekali gus menafikan dakwaan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengatakan kerajaan tiada sumber kewangan untuk melaksanakan pelbagai projek terbabit.

Katanya, kerajaan kini sebenarnya berada pada kedudukan baik untuk terus mengeluarkan peruntukan bagi menjayakan projek yang sudah digariskan dalam Bajet 2007 dan RMK-9.

"Kita sudah mengeluarkan surat kebenaran berbelanja untuk 2007. Se-

mua surat ini mesti datang daripada Kementerian Kewangan untuk memberikan mereka (jentera kerajaan) wang, peruntukan dan waran.

"Kita boleh terus berbelanja tetapi bukannya untuk apa-apa, sebaliknya bagi melaksanakan apa yang sudah diluluskan dalam RMK-9 dan Bajet 2007. Semuanya sudah sedia dan sistem kita sudah bergerak," katanya selepas merasmikan Persidangan Akauntan Kebangsaan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Baru-baru ini, bekas Perdana Menteri dalam serangan terbarunya terhadap kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendakwa ekonomi negara kini meleset hingga peniaga Cina lebih suka berniaga di China berbanding Malaysia.

Bagaimanapun, sejak Julai lalu, Perdana Menteri sudah mengumumkan tender bagi 880 projek pembangunan baru di bawah RMK-9 bernilai RM15 bilion akan dilaksanakan

dalam tempoh terdekat.

Daripada 880 projek Pembangunan itu, 455 akan dilaksanakan dengan peruntukan kerajaan menerusi RMK-9, manakala 425 lagi akan dijayakan menerusi inisiatif pembiayaan swasta (PFI).

Awang Adek berkata, kerajaan tidak bimbang dengan peningkatan kos, sekali pun jika negara terpaksa mengeluarkan belanja lebih asalkan

kadar defisit dapat dikekalkan pada paras 3.4 peratus.

"Orang bertanya sama ada kita mempunyai wang. Ya, sudah tentu kita ada wang atas projek yang kita kenal pasti dalam RMK-9. Bukan saja kita ada wang malah kita memastikan defisit berada tahap sangat rendah iaitu 3.4 peratus," katanya.

Awang Adek berkata, keutamaan kerajaan dari aspek kewangan kini adalah mahu memastikan projek RMK-9 berjalan secepat mungkin termasuk membuat keputusan bayaran kepada kontraktor dipercepatkan.

"Kementerian ada Bahagian Kawalan membantu jika kontraktor ada masalah mendapatkan bayaran daripada kerajaan, malah tuntutan daripada pihak swasta juga ada dikemukakan meminta kita membantu.

"Bayaran penting dipercepatkan supaya aspek kewangan tidak menjadi punca mengurangkan aliran tunai hingga menjejaskan pelaksanaan projek," katanya.

FAKTA NOMBOR

Rancangan Malaysia Kesembilan

880

Projek pembangunan baru

RM15b

Nilai projek